

**YB. Datuk Idris Harun,  
Timbalan Menteri  
Pengajian Tinggi Melawat  
Galeri IPTK di UTeMEX08**

Halaman 9

**Kejayaan IPTK di  
UTeMEX08**

Halaman 10

**Lawatan  
YBhg. Datuk Prof. Ir.  
Ismail Hassan, Naib  
Canselor UTeM ke IPTK**

Halaman 11

HD  
31  
.F67  
2008  
a  
v1

# IPK Melestarikan Pusat Kecemerlangan Pengurusan Teknologi & Keusahawanan



YB. Datuk Idris Harun,  
Timbalan Menteri Pengajian Tinggi  
Melawat Galeri IPTK di UTeMEX08  
halaman 9



Kejayaan IPTK di UTeMEX08  
halaman 10



Lawatan  
YBhg. Datuk Prof. Ir. Ismail Hassan,  
Naib Canselor UTeM ke IPTK  
halaman 11

Perpustakaan Universiti Teknikal Malaysia Melaka	
No. Perolehan	No. Panggilan
MKCHD	HD 31 -F67
Tarikh	
29 MAY 2008	

Dari Pena Ketua Editor 3

Sidang Redaksi 3

Sekapur Sireh, Dekan IPTK 4

**DIARI FOKUS 5**

Pengenalan IPTK 5

Teraju IPTK 6

Struktur Organisasi IPTK 7

Staf IPTK 8

YB. Datuk Idris Harun, Timbalan Menteri Pengajian Tinggi  
Melawat Galeri IPTK di UTeMEX08 9

Kejayaan IPTK di UTeMEX08 10

Lawatan YBhg. Datuk Prof. Ir. Ismail Hassan, Naib Canselor UTeM ke IPTK 11

**DIARI PERSONALITI UNGGUL 12**

Wawancara Bersama Dekan IPTK 12

**DIARI AKADEMIK 14**

Senarai Penyelidikan 14

Bengkel Penubuhan Fakulti Dan Program Akademik Baru Pascasiswazah 15

Seminar Akademik IPTK 1/2008 16

**DIARI MATDEC 17**

Pengenalan MATDEC 17

Ekspo Rekacipta & Pameran Penyelidikan UniMAP 18

Latihan Asas Keusahawanan Dan Teknousahawanan 18

Kolokium Pengurusan Teknologi 19

Membina Hubungan Kerjasama Keusahawanan &  
Teknousahawanan MATDEC dan Bank SME 20

Lawatan Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (SMIDEC) ke IPTK 20

Cadangan Kerjasama UTeM-UTM 21

Bengkel Pembangunan Modul MATDEC 22

**DIARI PASCASISWAZAH 23**

Statistik Pengambilan Pelajar Pascasiswazah 23

Pengalaman Baru Pelajar MBA 24

Program Akademik Baru: Ke Arah Melahirkan Pengurus di Kalangan Jurutera 25

Delegasi Politeknik Riau, Indonesia Ke IPTK: Membina Kerjasama Serantau 26

Seminar Wacana Siswazah IPTK 1/2008: Memperkasakan Penyelidikan 27

**DIARI KELAB KEBAJIKAN IPTK 28**

Sambutan 10 Muharam di IPTK 28

**RENCANA 29**

*Secret of Success in Your Business: Investigate Yourself!* 29

*CYBERFEMINISM: Transformation of Feminist Idea* 30

*Entrepreneurship: Bridging the gap between the user and the provider* 32

*In-House e-Procurement System: A Case Study in Malaysia* 34

HD31 .F67 2008 v1



87515866

TERIMA KASIH SYAHDU

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera

Sesungguhnya ucapan syukur yang paling tinggi dan syahdu adalah kepada yang Maha Esa kerana melimpahkan semangat dan kudrat kepada kita semua.

Saya bagi pihak Jawatankuasa FORUM menzahirkan rasa bertuah dan gembira di atas kejayaan kami melahirkan karya Buletin FORUM yang pertama kalinya diberikan penghormatan untuk diterbitkan walaupun idea awal sehingga saat akhir buletin ini selesai dirasa terlalu berselerak dan mencabar ditambah dengan tanggungjawab yang lainnya. Namun, dalam senyap dan sepi, rupa-rupanya ada kekuatan dan sinergi yang tersembunyi, mendorong dan mendesak supaya semua ini terjadi.

Ucapan setinggi penghargaan dan terima kasih dihulurkan kepada YBhg. Dato' Prof. Dr. Abu Bakar Mohd Yusof, Dekan IPTK serta Jawatankuasa Buletin FORUM yang komited membidani buletin istimewa ini. Kami berharap agar isi karya ini diakui penyampaiannya bahawa betapa IPTK berusaha menyempurnakan yang terbaik tentang amanahnya.

Ada beberapa bahagian besar cuba digayakan dalam karya buletin ini, iaitu Diari Fokus, Diari Personaliti Unggul, Diari Akademik, Diari MATDEC, Diari Pascasiswazah, Diari Kelab Kebajikan IPTK dan Diari Rencana. Segala isi



**Ketua Editor**

karya dalam edisi pertama ini adalah rangkuman aktiviti dari bulan Januari hingga April 2008.

Akhir sekali, persembahan dalam karya buletin ini mungkin ada ranum dan mentahnya, hodoh dan indahnya. Tapi, sebaiknya biarlah karya-karya dalam buletin ini sendiri yang menyampaikan maksudnya. Dengan rendah hati, kami memohon maaf di atas kekurangan yang ada.

Salam hormat,

Amir Aris  
Ketua Editor FORUM

**Sidang  
Redaksi**



**Penaung :** YBhg. Datuk Prof. Ir. Ismail bin Hassan

**Penasihat :** YBhg. Dato' Prof. Dr. Abu bin Abdullah  
YBhg. Datuk Prof. Madya Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah  
YBhg. Dato' Prof. Dr. Abu Bakar bin Mohd Yusof

**Ketua Editor :** En. Amir bin Aris

**Editor :** Pn. Norhidayah bt. Mohamad

**Sidang Editor :** YM. Dr. Raja Roslan bin Raja Abd. Rahman  
En. Othman bin Aman  
Pn. Nor Azan bt. Abd. Gani  
Pn. Nor Ratna bt. Masrom  
Pn. Mariam Miri bt. Abdullah

**Pentadbiran :** Pn. Norasmara bt. Mahmud  
Pn. Ratnasaerah bt. Azis

**Grafik dan Pencetakan :** En. Ahmad Masmuliyadi bin Mohd Yusof



Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T saya panjatkan di atas limpahan rahmat yang diberikan kepada hamba-hamba-Nya untuk terus menghirup udara nyaman sehingga hari ini.

Sesungguhnya, kelahiran Buletin FORUM Institut Pengurusan Teknologi dan Keusahwanan (IPTK) yang pertamanya ini adalah merupakan detik bersejarah yang menceritakan kelangsungan IPTK sebagai Pusat Kecemerlangan sejak 4 tahun IPTK ditubuhkan. Terbitnya Buletin FORUM ini dirasakan sebagai pemangkin untuk keluarga IPTK bekerja lebih kuat dan bersungguh-sungguh seterusnya mencoretkan peristiwa-peristiwa tersebut ke dalam buletin istimewa ini untuk dijadikan bukti pencapaian dan kenangan. Saya menyeru kepada diri saya dan staf-staf IPTK yang lain untuk sentiasa meningkatkan *knowledge, skill and ability* (KSA) atau kompetensi bagi meletakkan IPTK sebagai Pusat Kecemerlangan yang disegani.

Dalam semangat ini, saya sebagai Dekan IPTK ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Naib Canselor, YBhg. Datuk Prof. Ir. Ismail Hassan, Timbalan-Timbalan Naib Canselor, Pegawai-Pegawai Kanan universiti, Jawatankuasa Buletin FORUM serta seluruh warga UTeM di atas kerjasama dan sokongan yang diberikan sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam membantu pembangunan IPTK secara amnya dan proses penyempurnaan Buletin FORUM ini khususnya. Sesungguhnya, setiap yang baik itu datangnya dari Allah dan yang tidak baik itu datangnya dari kelemahan saya sendiri.


Sekian, Salam Hormat.

**Dato' Prof. Dr. Abu Bakar bin Mohd. Yusof**  
Dekan,  
Institut Pengurusan Teknologi dan Keusahwanan,  
Universiti Teknikal Malaysia Melaka.

# PENGENALAN

## INSTITUT PENGURUSAN TEKNOLOGI DAN KEUSAHAWANAN (IPTK)

IPTK ditubuhkan pada Januari 2004 sebagai Peneraju dalam bidang Penyelidikan dan Pembangunan (R&D). Di samping itu, IPTK berfungsi untuk melahirkan pengurus yang berketerampilan dalam bidang pengurusan teknologi dan keusahawanan. Institut yang berlandaskan pengurusan teknologi dan keusahawanan, IPTK mempunyai asas yang kukuh dari konsep penubuhan dan pendidikan bagi menawarkan program pascasiswazah. Semenjak penubuhannya, IPTK telah mengorak langkah ke arah pencapaian matlamat organisasi.



Sebagai Pusat Kecemerlangan, IPTK telah menawarkan Program Pengajian Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA) dan Program Pengajian Sarjana Sains secara Penyelidikan (MSc.) dalam bidang Pengurusan Teknologi, Pembangunan Sumber Manusia, dan Keusahawanan. Bagi Program Pengajian Doktor Falsafah (PhD), bidang-bidang yang ditawarkan adalah Pengurusan Teknologi, Pembangunan Sumber Manusia, Keusahawanan dan Pengurusan Kualiti.

Dengan matlamat untuk menjadi Pusat Kecemerlangan dalam aspek keusahawanan, IPTK telah menubuhkan Pusat Pembangunan Teknousahawanan Malaysia atau *Malaysian Technopreneurship Development Centre* (MATDEC) yang bertujuan untuk menjadi Pusat Rujukan kepada usahawan-usahawan dalam bidang teknologi di Melaka khususnya dan Malaysia amnya.



1. **YBHG. DATO' PROF. DR. ABU BAKAR MOHD YUSOF**  
Dekan


2. **EN. OTHMAN AMAN**  
Ketua Jabatan Akademik

3. **YM. DR. RAJA ROSLAN RAJA ABD. RAHMAN**  
Ketua Jabatan MATDEC

4. **EN. AMIR ARIS**  
Penyelaras Pascasiswazah

5. **EN. AKMAL ABDUL MANAP**  
Penolong Pendaftar

# TERAJU IPTK



# STRUKTUR ORGANISASI IPTK

## PROFESOR



Dato' Prof. Dr. Abu Bakar Mohd Yusof



Prof. Ir. Dr. Zainal Arjip Zakariah  
(dipinjamkan ke FKE)



Prof. Dr. Salleh Yahya  
(dipinjamkan ke Canselori)

# STAF IPTK

## PENSYARAH KANAN



YM Dr. Raja Roslan Raja Abd. Rahman



Dr. Budi Suprpto



Dr. Mulyaningrum



En. Ahmad Rozelan Yunus  
(dipinjamkan ke Canselori)



Pn. Edna Buyong

## PENSYARAH



En. Othman Aman



Pn. Nor Azan Abd. Gani



Datin Suraya Ahmad  
(cuti belajar)



Pn. Haslinda Musa  
(cuti belajar)



En. Chew Boon Cheong  
(cuti belajar)



En. Mohd Syaiful Rizal Abd Hamid  
(cuti belajar)



En. Sabri Mohamad Sharif  
(dipinjamkan ke UNIC)



Pn. Juhaini Jabar  
(cuti belajar)



Pn. Mariam Miri Abdullah



Pn. Azrina Othman



Cik SitiNor Wardatulaina Mohd Yusof



Pn. Fararishah Abdul Khalid  
(dipinjamkan ke PPB)



Cik Murzidah Ahmad Murad



En. Amiruddin Ahamat



En. Amir Aris



Pn. Norhidayah Mohamad



Pn. Nor Ratna Masrom

## PENTADBIRAN



En. Akmal Abdul Manap



Pn. Norasmara Mahmud



Pn. Ratnasaerah Azis



Cik Fizalina Razali



Pn. Nor Azlinawati Daud



Cik Nur Fatehah Isa



En. Muhammad Shahrin Pritam Abdullah





## **YB. Datuk Idris Harun, Timbalan Menteri Pengajian Tinggi Melawat Galeri IPTK di UTeMEX08**

Bersempena dengan Pameran Penyelidikan 2008 (UTeMEX08) pada 27 hingga 30 Mac 2008 yang berlangsung di Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MITC), Institut Pengurusan Teknologi dan Keusahawanan (IPTK), Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah mengambil bahagian dengan mempertaruhkan lapan poster penyelidikan dan produk-produk usahawan di bawah Pusat Pembangunan Teknousahwanan Malaysia (MATDEC). Selain itu, kesempatan ini memberikan ruang dan peluang kepada IPTK untuk mempromosikan program-program pascasiswazah dan sambutannya amat menggalakkan.

Dalam majlis yang sama, Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, YB. Datuk Idris Harun yang diiringi YBhg. Datuk Prof. Madya Dr. Abu Bakar Mohamad Diah, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), UTeM sempat meluangkan masa melihat galeri pameran IPTK di samping mendengar penerangan yang diberikan oleh YBhg. Dato' Prof. Dr. Abu Bakar Mohd Yusof, Dekan IPTK berkenaan dengan MATDEC dan program-program pascasiswazah.

YBhg. Datuk Prof. Madya Dr. Abu Bakar Mohamad Diah berkata, pameran tersebut dilaksanakan serentak dengan Karnival Pendidikan negeri Melaka. Menurut beliau, penyelidikan itu meliputi 12 projek dari Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi, 17 projek dari Fakulti Kejuruteraan Pembuatan, sembilan projek dari Fakulti Kejuruteraan Mekanikal, tujuh projek dari Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer serta 17 projek dari Fakulti Kejuruteraan Elektrik.

Pada pameran itu, UTeM juga menjemput penyelidik-penyelidik dari Universiti Malaysia Pahang, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia dan Universiti Malaysia Perlis untuk memaparkan hasil penyelidikan masing-masing.

Galeri IPTK berjaya mempamerkan persembahan yang meyakinkan melalui produk berkualiti dan hiasan galeri yang menarik perhatian sehingga merangkul dua Pingat Emas bagi kategori Inovasi dan kategori Penyelidikan Sains Sosial serta memperolehi Anugerah Khas Poster & Galeri Terbaik UTeMEX08. Syabas dan tahniah!



Penerangan tentang MATDEC oleh YBhg. Dekan IPTK kepada YB. Datuk Idris Harun

Penerangan tentang MATDEC oleh Pn. Norhidayah Mohamad kepada Pengunjung



Bergambar bersama YB. Datuk Idris Harun



Dekan IPTK Menerima Anugerah Khas Poster dan Galeri Terbaik

# KEJAYAAN IPTK di UTeMEX08



Dr. Budi Suprpto Menerima Pingat Emas Kategori Penyelidikan



MATDEC Rangkut Pingat Emas Kategori Inovasi



# LAWATAN YBhg. Datuk Prof. Ir. Ismail Hassan, NAIB CANSELOR Ke IPTK

Institut Pengurusan Teknologi dan Keusahawanan (IPTK) telah menerima kunjungan istimewa Naib Canselor, YBhg. Datuk Prof. Ir. Ismail Hassan pada 19 Mac 2008 yang disambut dengan suasana mesra dan ceria oleh YBhg. Dato' Prof. Dr. Abu Bakar Mohd Yusof, Dekan IPTK serta staf-staf IPTK yang lain.

Sebagai tanda menyambut tamu datang bertandang, majlis telah dimulakan dengan ucapan alu-aluan dan selamat datang oleh YBhg. Dekan IPTK yang melahirkan rasa amat bertuah dan gembira di atas kesudian YBhg. Naib Canselor hadir melawat ke IPTK. Dalam ucapannya lagi, YBhg. Dekan IPTK telah memberikan penerangan ringkas mengenai IPTK keseluruhannya termasuklah fungsi dan objektif penubuhan IPTK, struktur organisasi IPTK, dan aktiviti-aktiviti yang telah dan akan dilaksanakan. Bagi menjelaskan fungsi-fungsi khusus dalam struktur organisasi IPTK, YBhg. Dekan IPTK telah menjemput YM. Dr. Raja Roslan Raja Abd. Rahman, Ketua Jabatan MATDEC, En. Othman Aman, Ketua Jabatan Akademik dan En. Amir Aris, Penyelaras Pascasiswazah menerangkan secara terperinci mengenai jabatan dan unit masing-masing.

Majlis diteruskan dengan ucapan YBhg. Naib Canselor yang menyebutkan bahawa lawatan ini merupakan siri lawatan Naib Canselor ke semua PTJ yang telah dimulakan sejak tahun 2005. Memandangkan jumlah PTJ yang semakin banyak, kesempatan untuk IPTK akhirnya berkunjung tiba bagi mengenal lebih dekat atau "first hand" tentang kemajuan dan perancangan IPTK.

Dalam ucapannya lagi, YBhg. Naib Canselor telah mengembalikannya nostalgia penubuhan IPTK yang asalnya memohon untuk ditubuhkan sebagai sebuah fakulti dengan menawarkan program sarjana muda, walau pun begitu, KPT tidak bersetuju dan hanya memberikan kelulusan untuk menjalankan program pascasiswazah yang menjurus kepada pengurusan teknologi dan keusahawanan.

Naib Canselor menekankan bahawa bidang pengurusan teknologi dan keusahawanan adalah bidang yang sedang berkembang dan seharusnya kita menumpukan secara serius ke arah bidang tersebut. Justeru, penubuhan fakulti perlu menjadi fokus utama untuk menjayakan matlamat yang telah dirangka di samping memastikan semua staf bersedia dengan pengetahuan, kemahiran dan sikap yang terbaik.

Menyentuh mengenai Pusat Pembangunan Teknousahawanan Malaysia (MATDEC), Naib Canselor menyarankan agar MATDEC membantu dalam pembangunan industri kecil dan sederhana khususnya di UTeM. Menurut beliau, pembangunan keusahawanan di UTeM boleh difokuskan melalui pengkomersialan produk-produk yang dihasilkan oleh penyelidik-penyelidik UTeM contohnya produk pembangunan perisian (*software development*).

Berkenaan dengan program pascasiswazah, Naib Canselor cukup optimis bahawa program MBA khususnya mempunyai prospek yang baik. Justeru, usaha mempromosikan program ini perlu dilaksanakan dengan lebih hebat bagi memperkenalkan UTeM di peringkat Malaysia dan Antarabangsa. Lawatan Naib Canselor diakhiri dengan melihat fasiliti-fasiliti yang disediakan di IPTK dan sedikit jamuan ringan.

Sekali lagi, seluruh warga IPTK ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada YBhg. Datuk Prof. Ir. Ismail Hassan, Naib Canselor UTeM di atas kesudian melawat kami semua.



1



2



3



4



5



6



7



8

**Gambar 1**  
Bergambar kenangan bersama YBhg. Datuk Naib Canselor

**Gambar 2**  
YBhg. Datuk Naib Canselor sedang menyampaikan amanat

**Gambar 3**  
YBhg. Dato' Dekan IPTK mencerap amanat

**Gambar 4**  
YBhg. Dato' Dekan IPTK memulakan ucapan alu-aluan

**Gambar 5**  
YBhg. Dato' Dekan IPTK memberi taklimat ringkas tentang IPTK

**Gambar 6**  
Ketua Jabatan MATDEC menerangkan tentang aktiviti-aktiviti MATDEC

**Gambar 7**  
Staf IPTK khusyuk mendengar amanat YBhg. Datuk Naib Canselor

**Gambar 8**  
YBhg. Datuk Naib Canselor sedang menikmati jamuan ringan



## Wawancara Bersama Dekan IPTK

Oleh  
Nor Ratna Masrom



Alor Gajah, Melaka dan kemudian menamatkan pengajian peringkat menengah di Kuala Lumpur pada tahun 1967. Seterusnya, saya adalah seorang graduan Diploma Perakaunan dari Institut Teknologi MARA yang kini dikenali sebagai Universiti Teknologi MARA (UiTM) pada tahun 1971, Diploma dalam bidang *Purchasing and Supply* (IPS), United Kingdom (1974), *Advance Diploma in Accountancy* di MIT (1985), Diploma dalam bidang *Cooperative Audit* dari *Institute of Coperative Auditors (ICA) Malaysia* (1986), Akauntan Berdaftar dari *Malaysian Institute of Accountants* (1988), *Managerial Analysis Programe dan Managerial Development Programe* dari *Asian Institute of Management*, Manila (1990&1991), Sarjana Pengurusan Perniagaan (Kewangan) (1993) dan telah berjaya menamatkan pengajian di peringkat Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dalam bidang Pengurusan Sistem Kualiti di *University of Hull, United Kingdom* (1997).

### Forum

YBhg. Dato' adalah seorang pemimpin yang cukup berwibawa dan mempunyai pengalaman yang cukup luas dalam dunia akademik. Bagaimanakah YBhg. Dato' memulakan langkah awal dalam kerjaya dan berjaya mengekalkan prestasi cemerlang YBhg. Dato' hingga ke hari ini?

### YBhg. Dato' Prof. Dr. Abu Bakar Mohd Yusof

Kerjaya saya bermula di Utusan Melayu Berhad Kuala Lumpur sebagai Pembantu Akauntan pada tahun 1971. Kemudian bertukar ke Pusat Latihan MARA pada 1972-1974 sebagai Pembantu Akauntan (Basiswa). Pada tahun 1974, saya telah menerima tawaran di Universiti Pertanian Malaysia sebagai Pegawai Kewangan (Jualbeli) (1974-1978), Penolong Bendahari (Jualbeli) (1978-1980), Penolong Bendahari (Basiswa) (1980-1982), Penolong Bendahari (Perakaunan) (1982-1984), Penolong Bendahari (Pembangunan) (1984-1986), Penolong Bendahari (Penyelidikan & Pembangunan) (1986-1988), Penolong Bendahari Kanan (1989-1994), Timbalan Bendahari (Kontrak,

Pembayaran Gaji dan Grean Penyelidikan) (1997), Pengawal Kewangan di Pusat Perniagaan Universiti (1997-1999), Pensyarah Kanan di MGSM, UPM, dan mengakhiri khidmat saya di UPM sebagai Pengarah Penguatkuasaan Kontrak pada tahun 1999. Selepas itu, Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) telah mewarkan saya sebagai Timbalan Dekan COBM (2000-2001), kemudian sebagai Dekan COBM, (2001-2002), dan terakhir sebagai Timbalan Dekan COPS, (2003-2005). Bermula dari tahun 2006 hingga kini, saya telah menyumbang khidmat saya di Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) sebagai Dekan Institut Pengurusan Teknologi Keusahawanan (IPTK).

### Forum

Apakah antara memori indah yang pernah YBhg. Dato' miliki sepanjang perjalanan hidup sebagai orang penting dalam dunia akademik dan apakah nasihat YBhg. Dato' kepada pembaca Forum yang menginginkan kejayaan dalam kerjaya mereka?

### YBhg. Dato' Prof. Dr. Abu Bakar Mohd Yusof

Sebenarnya, kenangan terindah saya sepanjang menjadi tenaga pengajar apabila saya berpeluang untuk berkomunikasi dan berinteraksi dengan pelbagai lapisan masyarakat tanpa mengira status, bangsa, agama dan kedudukan. Ini kerana, setiap ruang saya gunakan sebaiknya dan berkongsi dengan orang lain. Bagi saya, ilmu bukan milik saya, bukan juga milik sesiapa tetapi ilmu itu sebenarnya adalah milik Allah S.W.T. Oleh kerana itu, saya percaya bahawa perkongsian ilmu ini akan menjadi penyumbang terhadap perkembangan pembangunan insaniah, khususnya di kalangan anak muda kita yang kini kian menghadapi desakan cabaran hidup yang kritikal.



Oleh yang demikian, sebagai seorang peneraju, saya berusaha menyediakan selengkap mungkin segala kemudahan untuk golongan pelajar menimba ilmu. Saya harap mereka akan selesa untuk meneruskan pengajian mereka sehari-hari. Saya juga turut mengadakan pelbagai program holistik kepada pelajar agar menjadi pendorong kepada mereka dalam menghasilkan sesuatu yang produktif dan berfaedah kepada universiti dan diri mereka.

Di samping menjadi seorang pendidik, saya juga adalah seorang petani moden sesuai dengan seruan kerajaan yang menggalakkan aktiviti pertanian. Bermula dengan hobi, kini saya bersyukur dengan pencapaian yang ada, dari sebidang tanah liat menjadi tanah

Pada keluaran edisi pertama ini, FORUM telah memilih YBhg. Dato' Prof. Dr. Abu Bakar Mohd Yusof, Dekan IPTK sebagai tetamu bagi ruangan Personaliti Unggul. FORUM telah berkesempatan mengadakan sesi wawancara untuk membincangkan mengenai IPTK sebagai Pusat Kecemerlangan Pengurusan Teknologi dan Keusahawanan.

### Forum

Boleh ceritakan serba sedikit tentang latar belakang YBhg. Dato' kepada kami untuk tatapan pembaca forum?

### YBhg. Dato' Prof. Dr. Abu Bakar Mohd Yusof

Ibu bapa saya menamakan saya sebagai Abu Bakar bin Mohd Yusof. Saya dilahirkan pada tanggal 1 Jun 1947 di Triang, Pahang dan dibesarkan di Alor Gajah, Melaka. Saya merupakan anak ke lima daripada tujuh orang adik beradik. Saya mendapat pendidikan awal di

pertanian yang berupaya menyumbang pelbagai jenis tanaman seperti sayur-sayuran dan buah-buahan. Selain dari bercucuk tanam, saya juga ada memelihara kambing untuk pendapatan sampingan. Hobi sampingan ini telah memberi saya banyak peluang untuk menghabiskan masa bersama keluarga kerana kebanyakan perusahaan pertanian dan ternakan saya dijalankan di sekitar kediaman saya sendiri.

Seterusnya, saya amat berpegang kepada prinsip jangan sesekali berada jauh daripada golongan berjaya. Prinsip ini sentiasa mendidik saya untuk sentiasa bersedia dengan sebarang kemungkinan yang tidak terjangka dan sentiasa mempunyai perancangan serta strategi untuk mengatasinya. Saya melihat hidup ini sebagai pilihan yang perlu ditetapkan oleh individu itu sendiri tanpa perlu dipengaruhi oleh sebarang pengaruh negatif.

Berwawasan dan berdisiplin adalah konsep dan tanggung utama saya untuk berada lebih baik daripada orang-orang yang berjaya. Saya sering menasihati diri saya dan individu-individu disekeliling agar sentiasa beringat dari sudut ekonomi kerana itu merupakan antara faktor penting yang mempengaruhi minda serta tindak tanduk seseorang. Selain itu, saya juga mahu generasi akan datang melihat jauh mengenai masa depan mereka dan mencari peluang-peluang berharga untuk berjaya memandangkan kini telah banyak sumber-sumber serta peluang memajukan diri.



**Forum**  
Mengenai IPTK, pada pandangan YBhg. Dato', apakah sebenarnya yang dimaksudkan dengan Pengurusan Teknologi dan Keusahawanan?

**YBhg. Dato' Prof. Dr. Abu Bakar Mohd Yusof**  
Pengurusan Teknologi dan Keusahawanan memberikan dua maksud yang berbeza tetapi saling berkait antara satu sama lain. Pengurusan teknologi bermaksud keupayaan dalam menguruskan teknologi dengan menggunakan kepakaran yang telah mereka pelajari dalam bidang masing-masing. Teknologi dalam organisasi kita sentiasa berkembang dan semakin canggih. Pengurusan teknologi inilah yang membantu kita meningkatkan lagi kejayaan sesebuah organisasi sekiranya diuruskan dengan efektif.

Keusahawanan adalah seseorang yang memulakan perniagaan sendiri, membeli perniagaan orang lain atau mengambilalih perniagaan keluarga di mana mereka suka menginovasi sesuatu bagi mendapatkan keuntungan.



Teknousahawan pula merupakan kombinasi antara teknologi dan keusahawanan. Teknousahawan merupakan seseorang yang bijak mengenalpasti masalah dan mencari peluang daripadanya dan selesa bekerja dengan teknologi.

Contohnya seorang teknousahawan yang menjalankan perniagaan mengeluarkan komponen-komponen jentera. Proses mengeluarkan komponen-komponen tersebut melibatkan teknologi yang terdiri daripada mesin-mesin dan sebagainya. Di samping itu, proses pemasaran yang menggunakan teknologi seperti email, telefon dan lain-lain lagi juga dikatakan sebagai teknousahawan.

**Forum**  
Apakah aktiviti-aktiviti yang dianjurkan oleh IPTK dalam usaha mendedahkan ilmu keusahawanan kepada pelajar-pelajar UTeM?

**YBhg. Dato' Prof. Dr. Abu Bakar Mohd Yusof**  
IPTK telah menganjurkan pelbagai aktiviti kepada pelajar-pelajar UTeM untuk menerapkan ilmu keusahawanan ini dalam diri mereka. Antara aktiviti yang dianjurkan adalah kursus keusahawanan daripada peringkat asas, pertengahan dan lanjutan yang dianjurkan dengan kerjasama IPTK dengan Hal Ehwal Pelajar UTeM. IPTK sendiri turut membantu fakulti-fakulti lain dalam subjek keusahawanan. Subjek ini diwajibkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi kepada semua Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia.

Selain itu, para pensyarah juga seharusnya tidak memandang enteng akan ilmu ini memandang subjek ini diwajibkan kepada para pelajar. Mereka perlu mengaplikasikan ilmu ini supaya dapat menceritakan pengalaman mereka kepada pelajar-pelajar. Usaha ini sedikit sebanyak dapat meningkatkan pemahaman pelajar mengenai ilmu keusahawanan.

**Forum**  
Adakah wujud sebarang persatuan di bawah kelolaan IPTK?

**YBhg. Dato' Prof. Dr. Abu Bakar Mohd Yusof**  
Sebenarnya, terdapat beberapa persatuan di bawah IPTK iaitu Persatuan Teknousahawan Melayu Negeri Melaka dan Persatuan Usahawan Muda Negeri Melaka. IPTK turut bekerjasama dengan kerajaan negeri Melaka untuk membantu peniaga Industri Kecil dan Sedehana (IKS) di Melaka terutama usahawan Bumiputra.

**Forum**  
Apakah pendapat YBhg. Dato' tentang kepentingan di antara perkembangan SME dan penggunaan ICT dalam membantu meningkatkan produktiviti di kalangan usahawan di negara kita?

**YBhg. Dato' Prof. Dr. Abu Bakar Mohd Yusof**  
Sebelum ini, kebanyakan usahawan IKS terdiri daripada 'school leaver' tetapi sekarang telah mula melihatkan ramai graduan terutama dari bidang IT yang turut menceburkan diri dalam bidang perniagaan menggunakan kepakaran yang mereka pelajari. Saya merasakan persepsi usahawan IKS yang terdiri daripada 'school leaver' ini tidak boleh diguna pakai pada masa kini. UTeM sendiri telah melahirkan beberapa graduan yang telah mempunyai perniagaan mereka sendiri dan IPTK akan terus membantu mereka agar lebih kukuh dan kompetitif.

**Forum**  
Apakah harapan YBhg. Dato' tentang pembangunan IPTK?

**YBhg. Dato' Prof. Dr. Abu Bakar Mohd Yusof**  
Akhir sekali, saya berharap pada satu hari nanti IPTK akan lebih dikenali dan menjadi satu organisasi yang disegani di kalangan masyarakat terutama di kalangan masyarakat tempatan agar dapat membawa imej UTeM ke peringkat yang lebih tinggi. Program-program anjuran IPTK diharapkan dapat memberikan sumbangan dan kelebihan kepada organisasi dan individu-individu.



## Senarai PENYELIDIKAN

### A. Science Fund – (RM 113,000.00)

Bil	Tajuk	Nama Pensyarah	Jumlah (RM)	Mula	Tamat
1.	Entrepreneur Development Model for SME Manufacturers	Pn. Nor Ratna Masrom En. Ahmad Rozelan Yunus Cik Murzidah Ahmad Murad	113,000.00	1 Ogos 2007	30 Julai 2009

### B. Fundamental Research Grant Scheme (FRGS) – (RM 382,000.00)

Bil	Tajuk	Nama Pensyarah	Jumlah (RM)	Mula	Tamat
1.	Psychosocial Well-Being of Entrepreneurs	En. Ahmad Rozelan Yunus Dr. Mulyaningrum En. Amir Aris	50,000.00	1 Okt. 2007	30 Sept 2009
2.	Profiling The Application of Advance Manufacturing Technology Among Selected Sectors of SME	Prof. Dr. Salleh Yahya Pn Fararishah Abdul khalid Pn. Norhidayah Mohamad	62,000.00	1 Okt. 2007	30 Sept 2009
3.	Managing Technology Diffusion Process Behavior	Cik Murzidah Ahmad Murad Prof. Dr. Salleh Yahya Pn. Fararishah Abdul Khalid	80,000.00	1 Okt. 2007	30 Sept. 2008
4.	Developing Advance Manufacturing Technology Application in Malaysian Medium Scale Manufacturing Industries.	Pn. Suraya Ahmad Dr. Mulyaningrum Dr. Budi Suprpto	80,000.00	1 Okt. 2007	30 Sept. 2009
5.	Modelling The Contribution on R&D Agencies Towards The Success of Malaysian Bio Technology Manufacturer	Pn. Nor Ratna Masrom En. Othman Aman En. Amiruddin Ahamat Pn. Norhidayah Mohamad	80,000.00	1 Okt 2007	30 Sept 2008
6.	CYBERFEMINISM: New Theory of Technoculture	Dr. Mulyaningrum En. Othman Aman Pn. Suraya Ahmad	30,000.00	1 Okt 2007	30 Sept 2008

### C. Short-Term Grant – (RM 182,000.00)

Bil	Tajuk	Nama Pensyarah	Jumlah (RM)	Mula	Tamat
1.	Business Strategy, Technology Management and Performance: A Study of Advanced Manufacturing Industries in Malaysia	Dr. Budi Suprpto	20,000.00	1 April 2007	31 March 2008
2.	Profiling The Characteristics of Successful Business Proposal: The View of Banking Institutions and Development Financial Institutions	Cik Murzidah Ahmad Murad Pn. Mariam Miri Abdullah En. Amir Aris	20,000.00	1 Julai 2007	30 Jun 2008
3.	Exploring Succession Planning Among Malaysian Entrepreneur	Pn. Norhidayah bt. Mohamad Prof. Dr. Salleh Yahya Pn. Nor Ratna Masrom	20,000.00	1 Julai 2007	30 Jun. 2008
4.	Exploring The Interaction Between Entrepreneurship and Innovation	Cik SitiNor Wardatulaina Mohd Yusof Pn. Edna Buyong Pn. Nor Ratna Masrom	17,080.00	1 Julai 2007	30 Jun. 2008
5.	Exploring Strategies Human Resources Management and Business Performance in Malaysian Corporate Entrepreneurship	En. Amir Aris Dr. Mulyaningrum Pn. Edna Buyong Pn. Nor Ratna Masrom	15,380.00	1 Julai 2007	30 Jun 2008
6.	Managing Innovation in Biotechnology Industry	En. Amiruddin Ahamat Dato' Prof. Dr. Abu Bakar Mohd Yusof Pn. Nor Ratna Masrom	20,000.00	1 Julai 2007	30 Jun 2008
7.	The Adoption and The Implementation of Best Practices in Biotech Manufacturing	Pn. Nor Ratna Masrom Dr. Mulyaningrum En. Amir Aris	20,000.00	1 Julai 2007	30 Jun. 2008
8.	Training Quality, Strategy Alignment of Training and Training Transfer in Enhancing The Performance	Dato' Prof. Dr. Abu Bakar Mohd Yusof Datuk Prof. Madya Dr. Abu Bakar Mohamad Diah Dr. Raja Roslan Raja Abd. Rahman	30,000.00	1 Okt 2007	30 Sept 2009
9.	Commercialization of Intellectual Property Technology Among Electronic Industries in Malacca	En. Sabri Mohammad Sharif Prof. Dr. Salleh Yahya Pn. Fararishah Abd., Khalid Pn. Azrina Othman	20,000.00	1 Julai 2007	30 Jun 2008

# BENGGKEL PENUBUHAN FAKULTI DAN PROGRAM AKADEMIK BARU PASCASISWAZAH

Institut Pengurusan Teknologi dan Keusahawanan (IPTK) telah mengadakan Bengkel Penubuhan Fakulti dan Program Akademik Baru Pascasiswazah selama sehari iaitu pada 23 Januari 2008 bertempat di Bilik Mesyuarat IPTK. Bengkel ini dihadiri oleh Ahli Jawatankuasa Penubuhan Fakulti dan Ahli Jawatankuasa Pascasiswazah IPTK dan dipengerusikan oleh YBhg. Dato' Prof. Dr. Abu Bakar Mohd Yusof, Dekan IPTK.

Matlamat penganjuran Bengkel Penubuhan Fakulti dan Program Akademik Baru Pascasiswazah ini adalah untuk memurnikan semula kertas cadangan penubuhan fakulti dan program akademik yang ditawarkan serta program akademik pascasiswazah. Bengkel di sebelah pagi memfokuskan kepada kertas kerja cadangan penubuhan fakulti dan kurikulum program akademik yang akan ditawarkan. Ahli bengkel telah bertungkus lumus memastikan bahawa kurikulum program adalah memenuhi syarat iaitu 60% subjek teknikal dan 40% subjek pengurusan.

Bengkel di sebelah petang pula membincangkan mengenai program akademik pascasiswazah iaitu program Sarjana Pengurusan Teknologi dan Sarjana Pengurusan Kejuruteraan. Seperti juga program akademik sarjana muda, pembangunan kurikulum program sarjana menjadi bahagian yang sangat diberikan tumpuan dan kritikal.

Lanjutan dari bengkel yang diadakan pada 23 Januari 2008, Bengkel Pemurnian Penubuhan Fakulti telah diadakan pada 4 Februari 2008 dengan menjemput wakil-wakil dari semua fakulti untuk membincangkan lebih terperinci mengenai kurikulum program khususnya subjek-subjek teknikal dari fakulti masing-masing. Dalam perbincangan ini, semua subjek yang dicadangkan telah dinilai sama ada ianya adalah subjek teknikal atau subjek pengurusan di samping menambah subjek baru berdasarkan keperluan.

Melalui komentar dan pandangan yang diberikan, satu kertas cadangan penubuhan fakulti dan program akademik baru pascasiswazah yang baik dipercayai mampu dihasilkan. Selamat maju jaya!

# BENGGKEL

Perpustakaan

Universiti Teknikal Malaysia Melaka

# SEMINAR AKADEMIK IPTK 1/2008



YBhg. Prof. Madya Dr. Hj. Hanipah Hussin sedang menyampaikan ceramahnya



YBhg. Dr. Ghazali bin Abdul Ghaib, Penceramah yang diundang khas dari Konsultan QHR Sdn. Bhd.

Institut Pengurusan Teknologi dan Keusahawanan telah menganjurkan Seminar Akademik IPTK 1/2008 pada 26 April 2008 bertempat di Dewan Konvensyen, Kampus Bandar, UTeM. Seminar ini telah dihadiri lebih dari 60 orang peserta yang terdiri daripada pelajar Doktor Falsafah (PhD), Sarjana Sains (MSc.), Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA) dan para pensyarah. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Prof. Dr. Abu Bakar Mohd Yusof, Dekan Institut Pengurusan Teknologi dan Keusahawanan.

Antara matlamat dan objektif dianjurkan Seminar Akademik IPTK 1/2008 ini adalah bertujuan meningkatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran tentang isu semasa yang berkaitan dengan hubungan industri. Penceramah yang diundang khas ialah YBhg. Dr. Ghazali bin Abdul Ghaib, *Principal Consultant, QHR Consultancy*.

Di samping itu, seminar ini telah menjemput YBhg. Prof. Madya Dr. Hj. Hanipah Hussin, Pengarah Pusat Pembelajaran dan Pengajaran, UTeM bagi menyampaikan ceramah mengenai kaedah pembelajaran dan pengajaran yang berkesan kepada para pensyarah IPTK.

Pada majlis penutupan, Dekan Institut Pengurusan Teknologi dan Keusahawanan (IPTK) melahirkan rasa gembira kerana yakin objektif yang digariskan telah dapat dicapai. YBhg. Dekan juga mengharapkan agar ilmu dan kemahiran yang diperolehi dapat diaplikasikan sepenuhnya dalam program pengajian diikuti manakala para pensyarah dapat meningkatkan lagi kualiti pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas.





# Pengenalan MATDEC

Pusat Pembangunan Teknousahawan Malaysia atau *Malaysian Technopreneurship Development Centre* (MATDEC) telah ditubuhkan dengan kelulusan Mesyuarat Senat Bil. 9/2004 pada 21 Oktober 2004 bagi membangunkan aktiviti teknousahawan melalui penajaan penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta komersialisasi produk dan servis berteraskan teknologi. Ia berperanan sebagai pereka bentuk (*creator*), pembimbing (*coach*), pelatih (*trainer*) dan penasihat (*advisor*) kepada teknousahawan.

MATDEC merupakan pusat serantau bagi pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) bagi latihan pembangunan profesional, penyelidikan dan konvensyen, dan perundingan dan bimbingan bagi membangunkan teknousahawan. Ianya juga berperanan sebagai pusat rujukan kepada agensi kerajaan serta syarikat-syarikat swasta dan industri dalam menjalankan aktiviti-aktiviti berkaitan pengurusan teknologi dan teknousahawan.

**VISI**

Menjadi pusat pembangunan teknousahawan yang kreatif dan inovatif.

**MISI**

Melahirkan usahawan dan teknousahawan yang cemerlang, gemilang, d terbilang beorientasikan aplikasi (*hand-on*) serta perkongsian pint universiti-industri sejajar dengan aspirasi Negara.

**OBJEKTIF**

Membangunkan aktiviti Pembangunan Profesional dalam bidang keusahawanan, teknousahawan, dan pengurusan teknologi yang bersesuaian dengan kehendak pasaran dari aspek pengetahuan, kemahiran, dan sikap.

Mengadakan aktiviti Seminar dan Konvensyen Pengurusan Teknologi dan Teknousahawan/Keusahawanan bagi meningkatkan aspek modal insan yang cemerlang, gemilang, dan terbilang.

Membangunkan aktiviti Penyelidikan dan Bimbingan dalam bidang Pengurusan Teknologi dan Teknousahawan/Keusahawanan, di peringkat universiti, korporat, usahawan, kerajaan negeri Melaka, agensi kerajaan, MARA, MECD, INSKENS, PNS, SMIDEC, pihak swasta, NGO's, dan sebagainya.

## FELO BERSEKUTU MATDEC



YBHG DATUK PROF. IR. ISMAIL HASSAN  
Naib Canselor



YBHG DATO' PROF. DR. ABU ABDULLAH  
Timbalan Naib Canselor Akademik & Antarabangsa



YBHG. DATUK PROF. MADYA DR. ABU BAKAR MOHAMAD DIAH  
Timbalan Naib Canselor Penyelidikan & Inovasi



PROF. MADYA DR. ZOLKEPLI BUANG  
Dekan Hal Ehwal Pelajar & Alumni



DATO' PROF. DR. ABU BAKAR MOHD YUSOF  
Dekan Institut Pengurusan Teknologi & Keusahawanan

## FELO KANAN MATDEC



PROF. IR. DR. ZAINAL ARIPIN ZAKARIAH  
Dekan Fakulti Kejuruteraan Elektrik



PROF. DR. SALLEH YAHYA  
Pengaruh Pusat Pembelajaran Berterusan



DR. RAJA ROSLAN RAJA ABD. RAHMAN



DR. MULYANINGRUM



DR. BUDI SUPRAPTO



AMIRUDDIN AHAMAT

## Ekspo Rekacipta & Pameran Penyelidikan UniMAP

### *IPTK di Indera Kayangan*

Bersempena dengan Ekspo Rekacipta & Pameran Penyelidikan Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) pada 9 Januari 2008 di Dewan Sekolah Menengah Putra, Kangar Perlis, Institut Pengurusan Teknologi dan Keusahawanan (IPTK), UTeM telah menyertai ekspo tersebut yang diketuai oleh YBhg. Dato' Prof. Dr. Abu Bakar Mohd Yusof, Dekan IPTK bersama-sama YM. Dr. Raja Roslan Raja Abd. Rahman, Ketua Jabatan MATDEC, En. Othman Aman, Ketua Jabatan Akademik dan En. Amir Aris, Penyelaras Pascasiswazah.

Di dalam Ekspo Rekacipta & Pameran Penyelidikan UniMAP, IPTK telah mengambil ruang dan peluang bagi memperkenalkan *Malaysian Technopreneurship Development Centre (MATDEC)* atau dalam Bahasa Melayu Pusat Pembangunan Teknousahawanan Malaysia serta mempromosikan program-program pascasiswazah yang ditawarkan di IPTK.

Pada majlis penutupan, IPTK, UTeM telah dianugerahkan Pingat Emas beserta Sijil Penyertaan yang disampaikan kepada YBhg. Dato' Prof. Dr. Abu Bakar Mohd Yusof, Dekan IPTK oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) UniMAP, YBhg. Prof. Madya Dr. Zul Azhar Zahid Jamal. Syabas dan tahniah!



Delegasi IPTK bergambar kenangan di UniMAP



Penyampaian Pingat Emas kepada YBhg. Dekan IPTK



Persembahan Galeri MATDEC dan Pascasiswazah

## LATIHAN ASAS KEUSAHAWANAN DAN TEKNOUSAHAWANAN

Unit Pembangunan Profesional, MATDEC telah menganjurkan Latihan Asas Keusahawanan dan Teknousahawanan pada 22 Januari 2008. Kursus yang diadakan di Dewan Konvensyen, Kampus Bandar UTeM ini telah dihadiri lebih dari 40 orang peserta yang melibatkan usahawan-usahawan Negeri Melaka dan staf UTeM. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Prof. Dr. Abu Bakar Mohd Yusof, Dekan Institut Pengurusan Teknologi dan Keusahawanan (IPTK).


Kursus Latihan Asas Keusahawanan dan Teknousahawanan dianjurkan adalah bertujuan memberi pendedahan kepada bakal usahawan dan teknousahawan berkaitan dengan jenis dan bentuk perniagaan, persediaan awal untuk menceburkan diri dalam perniagaan dan menganalisa keupayaan diri untuk menempuh alam perniagaan.

Menurut En. Abu Bakar Sedek bin Abdul Jamak, penceramah undangan dari Actionpreneur Sdn Bhd, "bakal usahawan dan teknousahawan perlu mempersiapkan diri dengan motivasi tinggi, berfikiran positif dan berani menghadapi risiko. Dengan kebolehan-kebolehan ini, usahawan dan teknousahawan akan mencapai kejayaan". Secara keseluruhannya, penceramah telah berjaya mengubah cara berfikir para peserta untuk menjadi manusia yang berfikiran positif dalam segala hal khususnya dalam aspek perniagaan.

Kesimpulannya, YBhg. Dekan IPTK dalam ucapan penutupnya melahirkan rasa sangat berpuashati terhadap isi kandungan program dan berharap para peserta dapat memanfaatkan ilmu yang diberikan sebaik mungkin apabila pulang daripada program ini. Tahniah kepada semua peserta.

**KOLOKIJUM PENGURUSAN TEKNOLOGI**

Diari  
**MATDEC**



YBhg. Dato' Prof. Dr. Abu Abdullah TNC (Akademik & Antarabangsa) UTeM merasmikan Kolokium Penguasaan Teknologi

Memandangkan betapa penting dan relevannya pengurusan teknologi masa kini, Unit Konvensyen dan Penyelidikan MATDEC, Institut Pengurusan Teknologi dan Keusahawanan (IPTK) telah mengambil inisiatif dengan menganjurkan Kolokium Pengurusan Teknologi pada 31 Januari 2008 bertempat di Dewan Konvensyen, Kampus Bandar, UTeM. Kolokium telah dihadiri lebih daripada 60 orang peserta yang terdiri daripada usahawan-usahawan Negeri Melaka, pelajar Pasca-siswazah dan para Pensyarah IPTK. Majlis perasmian Kolokium Pengurusan Teknologi ini telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Prof. Dr. Abu Abdullah, Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) UTeM. Penceramah yang diundang khas ialah YBhg. Prof. Ir. Dr. Zainal Aripin Zakariah, Dekan, Fakulti Kejuruteraan Elektrik.

Antara matlamat dan objektif dianjurkan Kolokium Pengurusan Teknologi ini adalah bertujuan memberikan pendedahan kepada para peserta mengenai isu-isu yang berkaitan dengan pengurusan teknologi di Malaysia terutamanya menjelaskan relevansi pengurusan teknologi dalam aspek keusahawanan dan teknousahawanan. Di samping itu, kolokium ini menjadi medan pertemuan usahawan dan teknousahawan berkongsi idea dan pandangan mengenai perkembangan perniagaan masing-masing yang melibatkan penginovasian produk, pemasaran, pengoperasian dan lain-lain lagi.

Pada ucapan penutup yang telah disampaikan oleh YM. Dr. Raja Roslan bin Raja Abd Rahman selaku Ketua Jabatan MATDEC, beliau telah melahirkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada para peserta dan jawatankuasa program di atas komitmen dan minat yang ditunjukkan sepanjang kolokium ini dilaksanakan. Harapan beliau agar Kolokium Pengurusan Teknologi ini mencapai objektif dan matlamat yang digariskan melalui implementasi ilmu pengurusan teknologi di tempat perniagaan masing-masing, kemunculan idea bagi para penyelidik dan peningkatan *knowledge, skill, ability* (KSA) bagi para Pensyarah dalam aspek pengajaran dan pembelajaran.



YBhg. Prof. Ir. Dr. Zainal Aripin Zakariah menerima cenderahati daripada YM. Dr. Raja Roslan bin Raja Abd Rahman



## Membina Hubungan Kerjasama Keusahawanan & Teknousahawanan MATDEC dan Bank SME

### Lawatan Bank SME ke MATDEC

MATDEC telah menerima kunjungan dua orang wakil dari Bank SME pada 18 Januari 2008 yang diketuai oleh Cik Adibah Abd. Ghani, Penolong Timbalan Presiden/Ketua Pusat Penasihatannya bersama-sama dengan En. Zaini bin A. Karim, Pegawai Bank SME Negeri Melaka. Lawatan ini telah disambut oleh YM. Dr. Raja Roslan Raja Abd. Rahman selaku Ketua Jabatan MATDEC bersama-sama dengan Ahli Jawatankuasa MATDEC yang lain.

Tujuan lawatan ini adalah bagi membincangkan kerjasama yang boleh dilakukan antara MATDEC dan Bank SME dalam membangunkan usahawan dan teknousahawan negeri Melaka khususnya dan Malaysia amnya. Jalanan kerjasama ini dilihat dari aspek perundingan, khidmat latihan, penyelidikan dan bimbingan. Lawatan pertama ini diakhiri dengan membawa dua orang wakil dari Bank SME meninjau sekitar Kampus Bandar UTeM bagi melihat kemudahan yang disediakan di IPTK. Secara keseluruhannya, pihak Bank SME berpuas hati dengan perbincangan yang diadakan dan fasiliti yang disediakan di IPTK. Perbincangan seterusnya telah dipersetujui untuk diadakan di Bank SME di Kuala Lumpur.

### Lawatan Balas MATDEC ke Bank SME Kuala Lumpur

Ekoran daripada lawatan Bank SME ke MATDEC, satu lawatan balas ke Ibu Pejabat Bank SME Kuala Lumpur telah diadakan pada 22 Februari 2008, bersamaan dengan hari Jumaat, pada jam 3.00 petang. YM. Dr. Raja Roslan bin Raja Abd Rahman selaku ketua MATDEC telah mengetuai lawatan balas ini bersama-sama lima orang pensyarah IPTK iaitu Dr. Budi Suprpto, Dr. Mulyaningrum, En. Othman Aman, En. Amir Aris dan En. Amiruddin Ahamat. Lawatan ini telah disambut oleh En. Salim Saparman selaku Naib Presiden/Ketua Pembangunan Usahawan, Bank SME, Kuala Lumpur, Cik Adibah Abd. Ghani, Penolong Timbalan

Presiden/Ketua Pusat Penasihatannya, En. Adnan Ali, Penolong Pengurus Khidmat Nasihat (proses/sistem), Pn. Munira Mohamed Roznan, Penolong Pengurus Khidmat Nasihat (people), En. Arzaman Ariffin, Penolong Pengurus/ Ketua Khidmat Nasihat (people), dan YM. Raja Sharizat Raja Redzwa, Penolong Pengurus/Ketua Khidmat Nasihat (Komunikasi).

Perbincangan kali kedua ini masih lagi dalam peringkat menyelaraskan keperluan-keperluan yang boleh dimainkan oleh MATDEC dan pihak Bank SME termasuklah dalam aspek latihan, penasihatannya dan bimbingan yang dilihat sesuai diberikan kepada para usahawan & teknousahawan.

### Lawatan Kedua Bank SME ke MATDEC

Rentetan daripada dua perbincangan awal yang dibuat, perbincangan kali ketiga telah diadakan sekali lagi pada 21 April 2008 di Kampus Bandar UTeM bagi membincangkan lebih terperinci khususnya mengenai modul-modul yang akan digunakan dalam kerjasama ini. Berdasarkan kepada keperluan dan kehendak pihak Bank SME dan perancangan MATDEC yang akan mengadakan beberapa bengkel lanjutan pembangunan modul, pihak MATDEC optimis bahawa modul-modul yang akan dilaksanakan nanti adalah modul-modul yang terbaik.

Melalui komitmen dan kesungguhan daripada kedua pihak, kerjasama ini diharapkan mampu mencapai kata sepakat yang positif dan mencapai matlamat membantu usahawan & teknousahawan untuk lebih berjaya.



## Lawatan Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (SMIDEC) ke IPTK



SMIDEC adalah sebuah agensi kerajaan di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) yang terlibat secara langsung dalam menggalakkan pembangunan industri kecil dan sederhana (IKS) dengan menawarkan program-program yang dapat meningkatkan keupayaan IKS melalui khidmat nasihat, latihan serta bantuan kewangan.

Berdasarkan kepada persamaan fungsi antara MATDEC dan SMIDEC untuk membangunkan sektor keusahawanan negara, satu perundingan dua hala telah dijalankan pada 6 Mac 2008 (Khamis), bertempat di Kampus Bandar, UTeM. Dua orang wakil dari SMIDEC iaitu Cik Muneswari Munusamy, Pengurus Projek & Keusahawanan dan Cik Johana Risman, Penolong Pegawai telah menghadiri lawatan ini. Lawatan ini membincangkan tentang usaha sama yang boleh dijalankan oleh pihak MATDEC dan SMIDEC dalam menawarkan program dan latihan yang dapat meningkatkan kompetensi dan daya saing usahawan tempatan. Lawatan ini turut diselitkan dengan penerangan tentang pengenalan dan aktiviti-aktiviti MATDEC yang disampaikan oleh Y.M. Dr. Raja Roslan Raja Abd Rahman, Ketua Jabatan MATDEC. Lawatan ini diakhiri dengan lawatan sekitar kampus bandar bagi meninjau fasiliti-fasiliti yang ada.



Ahli sedang bermesyuarat



## CADANGAN KERJASAMA UTeM-UTM

Menyedari keperluan kerjasama di kalangan IPTA, Institut Pengurusan Teknologi dan Keusahawanan (IPTK), UTeM telah menerima kunjungan dari Fakulti Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia (FPPSM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM) pada 11 Mac 2008 yang telah diwakili oleh YBhg. Prof. Madya Dr. Hassan Osman dan YBhg. Dr. Azlan Amat Senin. Kunjungan ini disambut oleh YBhg. Dato' Prof. Dr. Abu Bakar Mohd Yusof, Dekan IPTK, YBhg. Prof. Ir. Dr. Zainal Aripin Zakaria, Dekan Fakulti Kejuruteraan dan staf-staf IPTK.

Kunjungan dimulakan dengan kata alu-aluan YBhg. Dekan IPTK dan seterusnya pembentangan kertas cadangan oleh wakil UTM iaitu YBhg. Prof. Dr. Hassan Osman. Secara ringkasnya, bersandarkan kepada kepakaran IPTK dalam aspek pengurusan teknologi dan keusahawanan, pihak UTM mencadangkan satu kerjasama antara UTeM-UTM dibincangkan bagi menganjurkan seminar Pengurusan Teknologi dan Keusahawanan di peringkat ASEAN. Penganjuran seminar ini sememangnya sesuatu yang dinanti-nantikan khususnya kepada para penyelidik dalam bidang ini.

Secara amnya, cadangan ini masih lagi di peringkat awal dan tiada kata putus diberikan. Namun begitu, kedua-dua pihak memperlihatkan kesungguhan dalam menjadikan seminar ini direalisasikan. Justeru, perbincangan lanjut akan dirancang bagi menstrukturkan semula tanggungjawab dan bidang tugas antara kedua-dua pihak. Walau apapun, usaha dan semangat kerjasama yang ditunjukkan antara kedua-dua pihak perlu diberikan kredit yang sewajarnya kerana setiap peristiwa yang baik bermula dengan niat yang baik. Semoga berjaya!



## BENGKEL PEMBANGUNAN MODUL MATDEC

Unit Konvensyen dan Penyelidikan MATDEC, Institut Pengurusan Teknologi dan Keusahawanan (IPTK) telah menganjurkan Bengkel Pembangunan Modul MATDEC pada 24 dan 25 April 2008 bertempat di Bilik Tayangan, IPTK, UTeM. Bengkel ini telah dihadiri oleh 15 orang peserta yang terdiri daripada pensyarah IPTK.

Antara matlamat dan objektif dianjurkan Bengkel Pembangunan Modul ini adalah bertujuan memberikan pengetahuan dan kemahiran kepada para pensyarah untuk membangunkan modul-modul latihan dan penasihat dengan betul. Penceramah yang telah diundang khas ialah YBhg. Dr. Jasmi bin Ahmad dari TDE Services.

Dalam Bengkel ini, peserta telah diberikan tunjuk ajar dari aspek komponen-komponen pengurusan latihan keseluruhannya dan kaedah membangunkan modul latihan yang baik berdasarkan kepada beberapa format modul dari SMIDEC, MARA, SME dan PSMB.

Di akhir Bengkel, Ketua Jabatan MATDEC iaitu YM. Dr. Raja Roslan Raja Abd Rahman menahirkan rasa berpuashati dengan komitmen yang diberikan dan satu lagi bengkel pemurniaan akan diadakan dalam masa terdekat bagi mempercepatkan penggunaan modul ini bersama rakan kerjasama keusahawanan iaitu SMIDEC, MARA, SME dan PSMB.




YBhg. Dr. Jasmi bin Ahmad dari TDE Services.




## STATISTIK PENGAMBILAN PELAJAR PASCASISWAZAH


Pelajar Doktor Falsafah (PhD)



Pelajar Sarjana Sains (MSc.)



Pelajar Sarjana Pengurusan  
Pentadbiran (MBA)



# Pengalaman Baru Pelajar MBA

Oleh: Tezar Mauludin  
Pelajar MBA – IPTK UTem



Pelajar sedang mendengar sesi PNP



Bergambar di Nasuha Village

